

Headline **Rabbani prihatin anak yatim**
 Date **08. May 2009**
 Media Title **Kosmo**
 Section **Hiburan**
 Circulation **120000**
 Readership **234000**

Language **MALAY**
 Page No **47**
 Article Size **754** cm2
 Frequency **Daily**
 Color **Full Color**
 AdValue **6560.89**



RABBANI menyambut kejayaan dengan mengadakan majlis kesyukuran.

Rabbani prihatin anak yatim

KUMPULAN nasyid Rabbani terus unggul dalam persada muzik tanah air apabila setiap tahun memenangi pelbagai anugerah yang diadakan dalam industri muzik sekali gus mengekalkan populariti mereka.

Terbaru, pada Anugerah Industri Muzik ke-16, mereka menang kategori Album Nasyid Terbaik (*Nostalgia Nada Murni*) dan Lagu Nasyid Terbaik (*Bila Nur Melimpah Di Hati*).

Manakala pada Anugerah Bintang Popular 2008, untuk kali kelapan Rabbani mempertahankan gelaran Bintang Popular (Kategori Nasyid).

Kejayaan yang dimiliki membuatkan kumpulan ini semakin menginsafi diri apabila mengenangkan hukan semua hamba Allah di muka bumi ini dapat menikmati kehidupan selesa dan aman bahagia.

Justeru setiap peluang dan rahmat yang diberikan Allah turut dimanfaatkan untuk kebaikan orang lain.

Justeru pada 30 Mei hingga 12 Jun ini, Rabbani dengan kerjasama Ar-Raziq Travels & Tours mengadakan program *Jelajah Ke Bumi Anbia* ke Istanbul sambil mengerjakan umrah bersama 20 anak yatim serta warga Pusat Perlindungan Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV-Nurul Inan Malaysia (Pernim).

Menurut salah seorang anggota Rabbani, Azadlan Abdul Aziz, program *Jelajah Ke Bumi Anbia* itu untuk membantu dan meraikan anak yatim dan warga Pernim yang diasaskan Norlina Alawi.

"Maka bagi menjayakan program itu, saya bagi pihak Norlina mengalangkan sumbangan kepada mereka yang ingin menaja anak yatim dan warga pusat perlindungan Pernim ke Tanah Suci.

"Semoga dengan kemurahan hati itu, kita bersama-sama mendapat berkat dan membolehkan anak-anak yatim itu turut dapat menjalani kehidupan sempurna se-



POPULARITI Rabbani belum goyah setelah hampir 15 tahun muncul dalam arus perdana industri muzik Malaysia.

bagaimana insan lain yang ada ibu bapa," katanya.

Program *Jelajah Ke Bumi Anbia* ini turut dibuka kepada penyertaan orang ramai yang mahu bersama-sama dengan Rabbani mengerjakan umrah sekali gus bercuti bersama anak-anak berkenaan.

Tambah Azadlan, pada tarikh sama (30 Mei hingga 13 Jun) turut diadakan pakej Umrah dan Ziarah Mestr.

"Kedua-dua pakej umrah dan ziarah ke Istanbul dan Mesir akan disertai anggota Rabbani. Kami akan membahagikan kum-

pulan Rabbani kepada dua kumpulan bagi memastikan segalanya berjalan lancar.

"Selain pakej disebutkan tadi, Ar-Raziq menyediakan pakej umrah sepanjang tahun termasuk kepada mereka yang ingin mengerjakan umrah pada Ramadan ini.

"Ar-Raziq juga menawarkan pakej ibadat haji dan melakukan korban di Mekah serta pakej percutian biasa di luar negara seperti China, Hong Kong, Indonesia, Bandung dan Cairo," katanya.

Bagi melanjutkan lagi kerjasama dengan Pernim, selepas program *Jelajah Ke*

Bumi Anbia itu, Rabbani akan merangka beberapa program dengan pusat perlindungan Pernim untuk tujuan kebajikan dan membantu pembangunan tempat itu.

"Dengan kelebihan dan rezeki yang Allah beri kepada Rabbani, kami akan terus membuat kerja kebajikan terutama bagi meringankan bebanan masyarakat yang memerlukan bantuan.

"Kami mengagumi usaha Norlina yang berjaya membela dan menyatukan anak kurang bernaib baik yang sudah diabaikan seperti anaknya sendiri. Tiba masanya kami menghulurkan apa saja bentuk bantuan dan sumbangan kepada Pernim," kata Azadlan lagi.

Rabbani juga baru dilantik Duta Produk Permata Hijrah menandakan pengiktirafan dan kepercayaan syarikat Permata Hijrah Resources kepada mereka untuk membawa nama jenama produk itu.

Permata Hijrah syarikat pengeluar ubat kesihatan rawatan penyakit luaran dan dalaman yang mula dikenali masyarakat dan cukup terkenal dengan produk Toner Mata dan Ubat Resdung, di samping beberapa produk kesihatan lain.

Pada awal Ogos ini pula, Rabbani akan bekerjasama dengan Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (Gamis) menganjurkan program *Konsert Antara Dunia* bertujuan mengutip dana tabung pembangunan Gamis.

Sebahagian lagi akan disumbangkan kepada mangsa tsunami di Aceh. Namun, setakat ini pihak penganjur masih berusaha mencari penaja bagi menjayakan program ini.

Mereka yang hendak menyertai pakej itu ataupun ingin menghulurkan penajaan boleh menghubungi talian **019-211 0300** (Azadlan) dan **012-3062291** (Ahmad Supip) atau layari laman web www.kembara-unrah.com.